



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

ISNIN, 1 JANUARI 2024

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my


[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

1/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	NANCY OPTIMIS BERSAMA RAKYAT MAJUKAN NEGARA	
	https://suarasarawak.my/nancy-optimis-bersama-rakyat-majukan-negara/	SUARASARAWAK.MY
	https://www.newsarawaktribune.com.my/striving-to-face-challenges-with-optimism/	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	MASIH TERBAYANG JASAD TIGA ANAK TERBARING KENA RENJATAN ELEKTRIK	
	https://bharian.com.my/berita/nasional/2023/12/1194483/masih-terbayang-jasad-tiga-anak-terbaring-kena-renjatan-elektrik	BHARIAN.COM.MY
	https://www.nst.com.my/news/nation/2023/12/995738/couple-monsoon-season-brings-back-memories-three-daughters-who-were	NST.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2258493	BERNAMA.COM
	https://selangorkini.my/2023/12/banjir-warga-emas-hargai-pengorbanan-layanan-baik-petugas/	SELANGORKINI.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-kelantan-warga-emas-hargai-pengorbanan-layanan-baik-petugas-452147	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
3	PENDUDUK TERJEJAS BANJIR DI KELANTAN, PAHANG DAN JOHOR BERKURANG	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/penduduk-terjejas-banjir-di-kelantan-pahang-dan-johor-berkurang	BERITA.RTM.GOV.MY



Nancy optimis bersama rakyat majukan negara



“Sebelum berakhirnya tahun 2023 ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang sentiasa memberi sokongan dan dokongan kepada saya dalam apa jua keadaan sekalipun. Terima kasih juga kerana membuat saya senyum, ketawa dan memberi pengajaran kepada saya sepanjang tahun ini, tahun 2023.

Semoga tahun 2024 akan membawa kebahagiaan dan kejayaan yang lebih besar lagi untuk semua. InsyaAllah, kita akan terus bersama-sama dalam memajukan negara dan membina masa depan yang lebih baik untuk generasi akan datang.”

Selamat Tahun Baru 2024!

Tulus ikhlas,
NANCY SHUKRI

[@nancy.shukri](#) [@HajahNancyHajShukri](#) [@NancyShukri](#) [@NancyShukri](#)

Nancy mengucapkan Selamat Tahun Baharu.

KUCHING: Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, menyatakan tekad untuk terus bersama rakyat dalam usaha memajukan negara ini.

Beliau juga optimis untuk membina masa depan yang lebih cerah bagi generasi akan datang.

“Dengan akhir tahun 2023 hampir tiba, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang sentiasa memberikan sokongan dan dorongan, tanpa mengira keadaan,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Nancy yang juga Ahli Parlimen Santubong menyatakan penghargaan kepada semua yang telah menyumbang kebahagiaan, gelak tawa dan pelajaran berharga sepanjang tahun 2023.

“Saya yakin, dengan semangat kebersamaan ini, kita dapat menghadapi cabaran dengan optimisme. Semoga tahun 2024 membawa kebahagiaan dan kejayaan yang lebih besar untuk semua rakyat Malaysia,” tambahnya.



Masih terbayang jasad tiga anak terbaring kena renjatan elektrik

Oleh Siti Rohana Idris - Disember 31, 2023 @ 8:50am
bhnews@bh.com.my



Mohd Nadzir dan Zainun sukar lupakan kejadian yang meragut nyawa tiga anaknya setahun lalu. - NSTP/Nik Abdullah Nik Omar

TUMPAT: Sudah setahun tragedi berlaku yang mengorbankan tiga anak perempuannya akibat **renjatan elektrik**, namun sehingga kini, kejadian itu masih terbayang-bayang di hadapan matanya.

Bukan tidak reda dengan takdir, tetapi naluri sebagai ibu dan bapa yang melihat ketiga-tiga anak terbaring meninggal dunia serentak dalam insiden tragis pada 19 Disember tahun lalu cukup membuatkan hidup Mohd Nadzir Mohamed, 68, serta isterinya, Zainun Sulaiman, 63, berubah sepenuhnya.

Kedatangan musim tengkujuh kali ini semakin menguatkan lagi ingatan Mohd Nadzir terhadap tiga arwah anaknya iaitu Nurul Syazwani Mohd Nadzir, 33, Sakinah, 29, dan Noor Fathiah, 27, kerana insiden berlaku ketika mereka sedang melihat air tidak jauh dari rumah di Kampung Bendang Surau, Morak, di sini.

Mohd Nadzir tidak menafikan perasaan rindu sangat dirasai dan semakin menebal apabila musim tengkujuh kerana peristiwa pilu itu berlaku ketika tiga anaknya itu seronok melihat air hujan melimpah memasuki kawasan kampung mereka sambil merakamkan gambar.

"Jika diikutkan hati dan perasaan (rindu), memang hidup kami akan bertemankan air mata sepanjang masa, tidak terungkap dengan kata-kata bagaimana rindunya kepada mereka bertiga yang menjadi penyeri dalam rumah.

"Namun, kami perlu lawan perasaan itu. Setiap hari saya tidak pernah gagal membuat bacaan tahlil berseorangan untuk mereka sambil berdoa kerana sudah tiada apa lagi yang mampu diberikan kecuali doa saja," katanya ketika ditemui di rumahnya, di sini.

Dalam kejadian 19 Disember tahun lalu, tiga beradik itu maut selepas seorang daripada mereka terpegang sebatang tiang yang membawa arus elektrik di rumah jirannya ketika ingin melihat banjir sebelum dua lagi turut menjadi mangsa akibat aliran elektrik itu.



Nurul Syazwani Mohd Nadzir, Sakinah dan Noor Fathiah yang maut terkena renjatan elektrik dalam kejadian 19 Disember tahun lalu. - NSTP/Nik Abdullah Nik Omar

Tragedi berkenaan mendapat liputan meluas media dan turut menarik perhatian ramai pihak termasuk beberapa pemimpin negara yang hadir menziarah termasuk Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri dan isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Mohd Nadzir berkata, pusara ketiga-tiga anaknya itu yang dikuburkan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Morak juga dikunjungi setiap pagi Jumaat sejak setahun lalu.

Katanya, genap setahun pemergian tiga anaknya itu pada 19 Disember lalu, mereka sekeluarga juga membuat majlis tahlil di rumah dengan kehadiran sanak saudara dan jiran.

"Disebabkan lokasi kejadian yang meragut nyawa tiga anak saya itu hanya beberapa meter saja dari rumah, ada kalanya saya terbayang jasad ketiga-tiga mereka terbaring dalam air sebaik terkena renjatan elektrik.

"Setiap kali membuka tingkap menghalau pandangan terus ke lokasi kejadian, setiap kali itulah tragedi pilu itu terlayar semula di depan mata dan cepat-cepat saya beristighfar.


"Saya harap biarlah kejadian menimpa anak saya ini menjadi pengajaran buat semua supaya jangan terlalu seronok bermain banjir dan berwaspada dengan aliran elektrik," katanya.

Bagi Zainun pula, ketiadaan tiga anak gadisnya itu menjadikan rumah mereka sunyi kerana tiga beradik itu menetap bersama mereka dan rajin membuat kerja rumah.

Katanya, kini tinggal lima anak lelaki mereka yang turut terkesan dengan kehilangan tiga beradik perempuan itu yang cekap menguruskan rumah.

"Tiga anak perempuan itulah yang rajin menjaga makan pakai saya dan suami, tetapi mereka kini sudah tiada.

"Banyak barangan mereka masih disimpan, namun ada sebahagian pakaian mereka yang masih elok kami sedekahkan kepada orang ramai yang memerlukan," katanya.



Penduduk terjejas banjir di Kelantan, Pahang dan Johor berkurang

Kategori: Nasional - Kemas kini: 31 Disember 2023 10:34 PM - Jumlah kunjungan: 46



Foto hiasan

KUALA LUMPUR, 31 Disember- Jumlah penduduk terjejas banjir di tiga negeri iaitu Kelantan, Pahang dan Johor menunjukkan pengurangan kepada 1,483 individu di 15 pusat pemindahan sementara (PPS).

Berdasarkan laporan terkini kejadian bencana di seluruh negara yang dikeluarkan Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) setakat pukul 8.00 malam tadi, jumlah penduduk terjejas banjir di Kelantan terus berkurangan kepada 1,395 individu di 11 PPS.

Menurut laporan itu, PPS di Kelantan melibatkan dua di Pasir Mas yang menempatkan 334 individu, lapan di Tumpat (1,045 individu) dan satu di Kuala Krai (16 individu).

Di Pahang pula, bilangan penduduk terjejas banjir kekal 34 orang yang masih berlindung di dua PPS di Maran, manakala 87 individu yang terlibat dengan insiden tanah runtuh di Cameron Highlands kekal berada di sebuah PPS yang dibuka di daerah itu.

Sementara itu jumlah penduduk terjejas banjir di Johor juga tidak berubah, kira-kira 54 individu masih ditempatkan di dua PPS di Segamat malam ini.


Bagi perkembangan situasi status Stesen Telemetri Jabatan Pengairan dan Saliran mendapati empat sungai berada pada paras bahaya.

Dua sungai mencatatkan trend menurun iaitu Sungai Pulai di Johor Bahru, Johor dan; Sungai Golok di Pasir Mas, Kelantan masing-masing mencatatkan paras 4.41 meter dan 9.47meter.

Bagi dua sungai di Sungai Perak di Hulu Perak, Perak dan Sungai Arau di Arau, Perlis pula mencatatkan trend meningkat masing-masing mencatatkan paras 111.9 meter dan 23.79 meter.

Laporan itu juga menyatakan terdapat 35 jalan ditutup akibat bencana banjir, jambatan rosak atau runtuh dan tanah runtuh.

Jalan terlibat antaranya ialah Jalan Jabi-Bukit Tempurung, Segamat di Johor; Jalan Kota Bharu-Pasir Mas-Rantau Panjang (Kelantan); Jalan Marang-Wakaf Tapai (Terengganu) dan Jalan Kuala Lumpur-Bentong (Jalan Lama Bentong) di Pahang serta Jalan Bukit Jugra di Selangor.



TAJUK : ELDERLY APPRECIATE SACRIFICES OF RELIEF WORKERS

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 1 JAN 2024

M/SURAT : 09

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Elderly appreciate sacrifices of relief workers

JELI: "Whenever I was feeling unwell, there were always staff who came to assist and provide medicine for a quick recovery," says Omar Salleh.

The 96-year-old expressed his gratitude for the excellent service provided by relief workers at the temporary flood relief centre.

Omar and his wife Minah Omar, 85, had to relocate to the relief centre at SK Jeli 1 using a police boat after their home was flooded up to knee level on Friday.

"Throughout my time here, many came to help, both the workers and fellow evacuees. Some helped with food, some

assisted in holding my hand to the restroom.


"They are like a family as everyone lends a hand promptly, treating us very well," he said when met at the centre yesterday, Bernama reported.

For Abdullah Mohamad, 81, the patience shown by relief workers on duty, when dealing with the quirks and antics of the elderly, is highly commendable.

Another evacuee Zainab Daud, 70, an amputee, expressed her gratitude as members of the Civil Defence Force rescued her using a boat after her house was inundated in floodwaters.



Safe and sound: Omar and Minah enjoying a quiet moment at the SK Jeli 1 relief centre in Jeli, Kelantan.
— Bernama



TAJUK :	NANCY TEPIS DAKWAAN DIRINYA, WAKIL RAKYAT PBB SOKONG 'LANGKAH DUBAI'		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	1 JAN 2024	M/SURAT :	03
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Nancy tepis dakwaan dirinya, wakil rakyat PBB sokong 'Langkah Dubai'

KUCHING: Ahli Parlimen Santubong Dato Sri Nancy Shukri menepis dakwaan dirinya dan wakil rakyat daripada Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) memberi sokongan kepada 'Langkah Dubai'.

Nancy yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata, beliau tidak pernah dengar mengenai 'Langkah Dubai' yang merupakan usaha untuk menggulingkan Kerajaan Perpaduan.

"Tidak pernah mendengarnya (Langkah Dubai)," katanya ketika dihubung The Borneo Post.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai pertemuan yang



NANCY

didakwa melibatkan beberapa Ahli Parlimen daripada PBB, (Barisan Nasional) BN, Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) di Dubai, dengan matlamat

untuk menumbangkan Kerajaan Perpaduan.

Spekulasi 'Langkah Dubai' timbul susulan perbincangan pemimpin pembangkang dan wakil tertentu kerajaan ketika lawatan mereka ke ibu negara Emiriah Arab Bersatu baru-baru ini.

Pertemuan itu didakwa bertujuan membahagikan tugas kepada 'ejen' untuk mengenal pasti Ahli Parlimen yang boleh menukar sokongan kepada pembangkang bagi membentuk kerajaan baharu.

Timbul juga dakwaan PBB ditawarkan jawatan Perdana Menteri dan autonomi tambahan, termasuk sehingga 20 peratus royalti minyak buat Sarawak.